

KATA GANTI NAMA DIRI

Untuk menggantikan nama orang.



Kata Ganti Nama Diri

Diri Pertama

orang yang bercakap



aku, saya, beta



kami, kita

Diri Kedua

orang yang diajak bercakap




awak, kamu, engkau



kalian, anda

Diri Ketiga

orang yang diperkatakan



ia, dia, beliau



mereka


Latihan 1

Lengkapkan peta pokok di bawah dengan kata ganti nama diri pertama, kedua atau ketiga.

aku awak dia kami anda
beta engkau beliau mereka



Kata Ganti Nama Diri



Latihan 2

Baca ayat dan klik pada jawapan yang betul.

1. Saya suka membaca buku.



2. Dia sedang minum air.



3. Kami bermain bola sepak.



4. Mereka ke kantin.



5. Hadiah ini untuk kamu.



Latihan 3

Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.

kamu

saya

kita

1

Ibu, bolehkah _____
bermain di taman?



2

_____ didenda
kerana datang lewat
ke sekolah.



3

Ayah, bilakah _____
akan ke rumah nenek?



4

_____ mestilah
menghormati orang tua.




5

_____ suka memakai
baju warna hijau.



6


Bani, berapakah umur
_____?



Latihan 4

Lengkapkan ayat dengan kata ganti nama diri.

(*drag and drop*)



Jun Wei mahu membuat buku skrap bertajuk "Keluarga Saya".

_____ meminta bantuan daripada kakaknya, Mei Fong.

Jun Wei: Kakak, bolehkah bantu _____ menyiapkan buku skrap ini?

Mei Fong: Boleh, Jun Wei. _____ perlu tampalkan dan labelkan gambar-gambar ini.

Puan Tan gembira melihat _____ bekerjasama menyiapkan buku skrap. _____ memuji tindakan Mei Fong yang sentiasa mengambil berat tentang adiknya.